



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH**

**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI**

---

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR  
KALI KE-199 BIL. 6/2026**

**PELAKSANAAN PEMBERIAN MATA GANJARAN (ADAB POINT) KEPADA MAHASISWA  
YANG TERLIBAT DENGAN PROGRAM ATAU AKTIVITI PELAJAR**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPKU) Kali Ke-250 Bil.4/2025 bertarikh 14 Mei 2025 telah meluluskan pelaksanaan pemberian Mata Ganjaran (ADAB Point) kepada mahasiswa yang terlibat dalam program atau aktiviti pelajar, sama ada yang dianjurkan di dalam mahupun di luar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

3. Sehubungan itu, pelaksanaan dan penguatkuasaan penuh pemberian ADAB Point akan berkuatkuasa mulai Semester II Sesi 2025/2026. Walau bagaimanapun, pelaksanaan secara projek rintis telah pun bermula pada semester sebelumnya.

4. Bagi memastikan penglibatan mahasiswa dapat direkodkan dan dinilai secara sistematik, pihak Akademi ADAB memohon kerjasama semua penganjur program atau aktiviti pelajar untuk mendaftarkan program yang berkaitan bagi tujuan permohonan ADAB Point. Pendaftaran program boleh dibuat bagi tempoh Jun 2025 hingga Februari 2026. Pihak penganjur adalah digalakkan untuk melaksanakan pendaftaran dengan kadar segera bagi membolehkan penglibatan mahasiswa diambil kira untuk tujuan mata ganjaran tersebut.

5. Pendaftaran program dan permohonan ADAB Point boleh dibuat dengan menekan pautan berikut :

<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSc7A18jcUXRfXHjmCJe6CU8eGQhO64OD4MJkvE41zMX4s1EMA/viewform?usp=publish-editor>

6. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat dengan hadir secara terus ke Pejabat Akademi ADAB, melalui e-mel ke [adab@umpsa.edu.my](mailto:adab@umpsa.edu.my) atau menghubungi kami di talian 09-431 5079.

Sekian, terima kasih.

**Akademi ADAB  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
Tarikh: 08 Januari 2026**